



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR

ACCON 2012
ACADEMIC CONFERENCE

THE 8th UITMCJ
ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics
Towards a World Class University

CD PROCEEDING

ACCON 08

Penyelenggara:

Rohani binti Jangga

Ainol Hasanal bin Jalaluddin

Dr. Carolyn Soo Kum Yoke

Noridah binti Sain

Terbitan:

BPJIA UiTM Cawangan Johor

2012

Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

CD Proceeding for ACCON 08

8th Academic Conference, UiTM Johor

1. Proceeding

ISBN 978-967-0479-03-3

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni
UiTM Cawangan Johor
KM 12 Jalan Muar
85000 Segamat
JOHOR DT

Dicetak oleh:

Percetakan Segamat

Jalan Orkid
85000 Segamat
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media
UiTM Johor

CONTENT

CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.

***A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management; C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	Employees' Perspective Of Ethics	1. Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abdul Razak Bin Jambari 2. Azizah Binti Daut 3. Noranita Abdamia
9.	C115	Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohd Azim Sardan 2. Azman Ali 3. Tan Yan Ling 4. Abdul Razak Jambari
10.	C118	Systematic Risk Of Malaysian Stock	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tay Bee Hoong 2. Tan Yan Ling 3. Nur'asyiqin Ramdhan 4. Zulkifli Mohamed
11.	B119	The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development	<ol style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar 2. Isma Bin Ishak
12.	E120	Penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْل المُضَارِع) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nor Diana Bte Abd. Rahman 2. Nor Ezan Bin Omar 3. Zailani Bin Shafie
14.	E129	Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nazrudin Bin Hashim 2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa
15.	E130	Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	Chong Peng Hwa
16.	B135	A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rohanizan Md Lazan 2. Roslina Ali 3. Shaherah Abd Malik 4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin
17.	B138	Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain	<ol style="list-style-type: none"> 1. Shaherah Abd. Malik 2. Wan Haslin Aziah 3. Syaidatul Zarina Mat Din 4. Roha Mohamed Noah 5. Norhayati Omar

18.	D139	Student Timetable Asistant System (Stasys)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Noor Azrin Binti Zainuddin 2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin 3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman
19.	E141	Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension	<ol style="list-style-type: none"> 1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan 2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 3. S Kunaratnam Sita Raman 4. Nor Haniza Hasan 5. Cecilia Bai Rajendran 6. Noridah Sain
20.	A142	How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Norhayati Alias 2. Pn Noraizah Abu Bakar
21.	B143	Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences	<ol style="list-style-type: none"> 1. Oswald Timothy Edward 2. Ehsan Fansuree Surin
22.	E144	Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob 2. Nor Rashidah Mohamed
23.	E137	Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

PENGLIBATAN SEKTOR BUKAN KERAJAAN DI MALAYSIA, SINGAPURA DAN INDONESIA DALAM MENGENGEMBANGKAN POTENSI DANA WAKAF SUATU PERBANDINGAN

Oleh

MOHD ALI MUHAMAD DON

Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
UiTM Kampus Bandaraya Johor Bahru

Peranan pemerintah Islam dalam menjana ekonomi ummah menerusi amalan pewakafan harta sudah diketahui umum. Kerajaan Malaysia sebagai contoh telah menubuhkan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004 dengan matlamat untuk memantapkan pengurusan harta umat Islam dalam bentuk wakaf, zakat dan mal di peringkat kebangsaan. Begitu pula setiap negeri di Malaysia mempunyai unit atau jabatan khusus berkaitan wakaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Namun begitu ramai yang kurang mengetahui penglibatan serta kejayaan institusi bukan kerajaan seperti Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) di Malaysia, Warees Investment Pte. Ltd. di Singapura dan Dhompot Dhuafa' Republika di Indonesia dalam mengembangkan potensi harta wakaf. Justeru kajian ini cuba mengenal pasti usaha murni dan sumbangan syarikat terlibat daripada aspek amalan, agihan dan pengembangan harta wakaf sebagai sebuah kajian perbandingan untuk manfaat semua. Selain itu kajian turut tertumpu kepada meneliti kaedah pengagihan harta wakaf dan bagaimana manfaatnya dapat dinikmati oleh komuniti Islam setempat. Skop kajian ini tertumpu kepada 3 buah institusi yang telah dikenal pasti iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) di Malaysia, Warees Investment Pte. Ltd. di Singapura dan Dhompot Dhuafa' Republika di Indonesia. Bagi memperoleh data dan maklumat kajian, aktiviti lawatan kerja dan temu bual bersama individu terlibat di WANCorp, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Dhompot Dhuafa' Indonesia telah dilaksanakan. Selain daripada itu sumber literatur daripada buku laporan tahunan syarikat, penulisan berkaitan wakaf, jurnal serta artikel ilmiah yang berkaitan turut dijadikan rujukan. Pengkaji mendapati terdapat kelebihan dan kekurangan di antara ketiga-tiga buah institusi yang dikaji. Walau bagaimanapun ia tidaklah mencemarkan imej wakaf Islam sebagai sebuah institusi kebajikan demi survival ummah sejagat. Malah kejayaan JCorp memperkenalkan Konsep Wakaf Korporat, Warees Investment Pte. Ltd. membangunkan hartanah wakaf sehingga bernilai lebih daripada S\$300 juta dan Dhompot Dhuafa' menubuhkan *smart school* menggunakan mekanisme zakat dan wakaf adalah sangat membanggakan. Semoga dapatan kajian ini bakal menjadi batu loncatan untuk kajian lain yang lebih terperinci demi menjadikan institusi wakaf sebagai badan kebajikan dan ekonomi ummah sejagat.

Kata kunci; Wakaf oleh institusi bukan kerajaan, Johor Corporation Berhad, Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Warees Investment Pte. Ltd dan Dhompot Dhuafa' Republika.

PENDAHULUAN

PERANAN Kerajaan Malaysia sama ada menerusi badan kerajaan di peringkat persekutuan seperti Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan di peringkat negeri seperti jabatan ataupun unit wakaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf sudah diketahui umum.

Namun begitu sumbangan sektor bukan kerajaan dalam usaha kebajikan seperti wakaf kurang diketahui umum. Sektor swasta yang berasaskan perniagaan dan keuntungan juga jarang berminat untuk menceburi aktiviti yang bersifat sosial dan kebajikan. Akan tetapi keterlibatan sektor ini dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan seperti wakaf mampu meraih keberkatan dan pulangan lumayan jika berjaya diurus dengan sistematik. Hasilnya juga sudah pasti dapat mengurangkan bebanan kerajaan dalam penyediaan modal pembangunan masyarakat Islam dan institusinya yang pada asasnya tertanggung di bahu kerajaan selain sumber perolehan Baitulmal negeri-negeri yang terhad¹.

Ini terbukti dengan nilai aset saham yang diwakafkan di bawah pengurusan WANCorp iaitu anak syarikat Johor Corporation Berhad (JCorp) kini berjumlah RM425.96 juta, iaitu 70% lebih tinggi sewaktu mula-mula diwakafkan. Penglibatan Warees Ptd. Ltd. juga sebagai anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) pada tahun 2011 turut membanggakan dengan pendapatan berjumlah S\$355 juta hasil daripada hartanah yang diwakafkan.

¹ Siti Mashitoh Mahamood dalam kertas kerja bertajuk "*Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang Serta Aplikasinya di Malaysia*".

Manakala kejayaan Dhompot Dhuafa' Republika di Indonesia sebagai pengurus harta wakaf bukan kerajaan juga tidak dinafikan dengan penubuhan institusi pendidikan dan kesihatan berteraskan mekanisme wakaf yang manfaatnya berjaya dinikmati oleh golongan mustahik di Indonesia yang berjumlah kira-kira 30,018 93 juta orang pada tahun 2011.²

Justeru kertas kerja ini cuba mengupas kejayaan demi kejayaan yang berjaya diraih oleh ketiga-tiga pengurus dana wakaf terlibat khususnya dalam mengembangkan potensi harta wakaf oleh sektor bukan kerajaan sehingga benefisiari wakaf dapat dinikmati oleh lebih ramai komuniti Islam setempat. Ia sekali gus bertindak sebagai institusi sokongan kepada kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat. Lebih daripada itu penglibatan organisasi ini dalam aktiviti pewakafan harta sewajarnya dicontohi oleh konglomerat Muslim yang lain dan tidak hanya bermatlamat meraih keuntungan duniawi semata-mata.

Melalui kajian ini juga masyarakat umum diharap dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai produk wakaf kontemporari yang lebih dinamik dan berdaya maju. Fahaman tradisi yang melihat wakaf dalam ruang lingkup yang sempit dan terhad kepada wakaf khas untuk kawasan perkuburan, sekolah dan masjid sahaja tidak mampu menjana potensi harta wakaf sebagai mekanisme pembasmi kemiskinan di kalangan umat Islam secara holistik.

Perkara ini selari dengan pengertian wakaf yang merupakan suatu dedikasi harta sama ada secara *sarih* ataupun *kinayah*, yang mana zat harta ditahan manakala manfaatnya diaplikasikan untuk kebajikan umum mahupun khusus.³

² http://www.bps.go.id/tab_sub/view.php?kat=1&tabel=1&daftar=1&id_subyek=23¬ab=1

³ Siti Mashitoh Mahamood (2001), *Bagaimana membuat Wakaf*, Kuala Lumpur, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 3.

Wakaf Oleh Sektor Korporat Di Singapura; Pengalaman Warees Investment Pte. Ltd.

Amalan berwakaf bukanlah merupakan sesuatu yang baharu di kalangan masyarakat Islam Singapura. Rekod menunjukkan sehingga kini terdapat 189 aset wakaf Muslim yang didaftarkan di Singapura. Daripada jumlah itu tanah wakaf yang terkenal ialah Madrasah Al-Junied dan Kompleks Masjid Bencoolen yang terletak di Bencoolen Street. Aset wakaf di Singapura juga tidak terhad kepada sektor pendidikan dan rumah ibadah sahaja, malah meliputi sewaan rumah kediaman dan rumah kedai yang mana hasilnya disalurkan semula untuk kegunaan masyarakat Islam.⁴

Dari sudut sejarah, amalan pewakafan harta di Singapura dikesan bermula sejak zaman penjajahan British ke atas Negeri-negeri Selat lagi. Ini terbukti dengan pembinaan Masjid Omar Kampung Melaka pada tahun 1826 yang dianggap sebagai bukti terawal amalan pewakafan hartanah di Singapura.⁵ Masjid ini telah diwakafkan oleh Almarhum Syed Omar Ali Aljunied seorang pedagang Indonesia yang dikatakan berasal dari Negeri Yemen .

Hartanah wakaf tersebut kebanyakannya diurus oleh MUIS selaku pemegang tunggal harta wakaf di Singapura manakala bakinya diurus oleh trustee yakni pemegang amanah wakaf persendirian yang dilantik oleh MUIS.⁶

⁴ <http://cyberita.asia1.com.sg/syiar/wakaf-ilmu-langkah-lestarikan-amalan-berwakaf>

⁵ Shamsiah Abd Karim dlm Kyoto Bulletin of Islamic Areas, "Contemporary Shari'a Compliance Structuring for the Development and Management of Waqf Assets in Singapore", hlm. 144.

⁶ http://www.muis.gov.sg/cms/services/Wakaf_abt_sub.aspx?id=17060

Pecahan jenis-jenis aset wakaf tersebut dapat dilihat pada rajah yang berikut⁷.

Jenis Hartanah	Kuantiti	Penilaian
Madrasah	3	
Masjid	13	
Institusi / Tempat Suci	2	
Komersial / Runcit / Rumah kedai / Kediaman	155	\$0.5 Billion Dolar
Kediaman	14	
JUMLAH	187	

Daripada aspek perundangan MUIS telah diberi mandat untuk mentadbir dan mengurus semua harta wakaf khas dan am di Singapura berdasarkan peruntukan Seksyen 58(2) Administration of Muslim Law Act (AMLA). Selain itu terdapat beberapa peruntukan lain berkaitan wakaf di bawah AMLA misalnya Seksyen 59 menyatakan bahawasanya MUIS adalah pemilik hak wakaf di Singapura, Seksyen 58 (4), MUIS mempunyai kuasa untuk melantik dan memecat pemegang amanah, Seksyen 64 berkaitan Pendaftaran wakaf, Seksyen 73, MUIS hendaklah mengemukakan laporan kewangan kepada Menteri mengenai aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

Daripada aspek peranannya pula MUIS dipertanggungjawabkan,⁸

- i. Untuk terus membangunkan semula semua hartanah wakaf dalam portfolio
- ii. Untuk memaksimumkan pertumbuhan dan mempelbagaikan aset wakaf
- iii. Untuk menguruskan dana wakaf secara efisien dan efektif
- iv. Untuk menubuhkan bahawa wakaf merupakan formula model untuk perbelanjaan kebajikan
- v. Untuk menyalurkan hasil ke arah pembangunan masyarakat

⁷ Pembentangan oleh En. Walshafah bin Salleh, Eksekutif Unit Strategik Zakat dan Wakaf Majlis Ugama Islam Singapura sempena lawatan kerja ke MUIS pada 30 Mei 2012.

⁸ http://www.muis.gov.sg/cms/services/Wakaf_abt_sub.aspx?id=17059

Manakala Warees Investment Pte. Ltd iaitu anak syarikat milik penuh MUIS berperanan sebagai *Mutawalli* untuk mengurus dan membangun semua aset Baitulmal dan wakaf. Dalam hal ini Warees bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan projek dan pengurusan, menjalankan kerja perundingan dan nasihat, pengurusan sewa-menyewa dan membangunkan pelaburan hartanah.

Terdapat juga pemegang amanah persendirian dan trustee korporat yang menguruskan wakaf di Singapura. Mereka terdiri daripada kaum kerabat atau waris kepada pewakaf asal yang terlibat dengan jenis wakaf zurri atau wakaf keluarga.⁹

Bagi membangunkan potensi aset wakaf, Warees melaksanakan strategi *joint venture* (JV) dan *partnership*. Pelaksanaan kaedah ini dilihat sangat efektif terutama dengan peningkatan nilai hartanah dan masalah kekurangan tanah di Singapura. Malah berdasarkan peruntukan dalam *Rent Control Act 2001*, tuan tanah boleh mengenakan sewaan berdasarkan nilai hartanah semasa yang pastinya memberi pulangan menguntungkan kepada MUIS¹⁰.

Di bawah konsep ini juga, sebanyak 24 aset wakaf yang dianggap kurang produktif telah dijual dan hasilnya digunakan membeli sebuah bangunan di Beach Road bernilai S\$31 juta yang mana pada ketika ini ia bernilai S\$51 juta. Menurut Haji Alami¹¹ satu lagi contoh semangat inovatif pengurusan wakaf oleh MUIS ialah penggunaan instrumen kewangan Islam, sukuk atau bon musharakah.


⁹ Wakaf zurri atau wakaf zuriat dikenali dengan pelbagai nama seperti wakaf anak cucu, wakaf *'ala Aulad*, wakaf Keluarga, wakaf *Dhurri*, wakaf Persendirian dan juga wakaf *Ahli*. Wakaf Zuriat ialah wakaf yang ditentukan untuk faedah dan kepentingan keluarga pewakaf atau zuriatnya. Wakaf Zuriat adalah sebahagian daripada wakaf Khas, iaitu pewakafan harta yang pada mulanya adalah untuk diri pewakaf sendiri⁹ sebagai keutamaan atau kepada mana-mana individu atau individu yang telah ditentukan dengan niat untuk tujuan kebaikan. Antaranya seperti pewakaf mewakafkan hartanya kepada anak-anaknya, seterusnya kepada kaum kerabatnya dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat dan kebajikannya. (Mohd Afendi Mat Rani, Wakaf Zuriat: Isu Dan Penyelesaian)

¹⁰ Shamsiah Abd Karim, Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore: Challenges and Prospects.

¹¹ Beliau ialah President Majlis Ugama Islam Singapura

Pada tahun 2001 instrumen ini telah diaplikasikan bagi mengumpul dana sebanyak S\$35 juta bagi membangun semula Wakaf Masjid Bencoolen. Hasilnya hartanah pelbagai guna itu kini bernilai S\$87 juta.¹²

Melalui tindakan-tindakan proaktif yang menguntungkan tersebut, MUIS telah berjaya mengagihkan manfaat wakaf sebanyak S\$3,082,160 juta pada tahun 2011 berbanding S\$2,220,410 juta pada tahun 2010. Ia merupakan hasil pendapatan daripada lebih 189 hartanah wakaf dengan nilai taksiran S\$355 juta yang diurus tadbir oleh Warees Investments Pte Ltd. Pecahan agihan manfaat itu dapat dilihat pada rajah yang berikut.¹³



Namun begitu akhir-akhir ini amalan berwakaf kurang mendapat perhatian masyarakat Islam Singapura. Wakaf terakhir direkodkan adalah pada tahun 1993, dan sejak itu tidak ada pewakaf yang mewujudkan wakaf secara sendiri berikutan nilai hartanah yang semakin tinggi dan mahal.

Dengan semangat melestarikan semula amalan berwakaf ini, pihak MUIS telah memperkenalkan satu bentuk wakaf baru yang dinamakan 'Wakaf Ilmu'. Wakaf ilmu ialah sumbangan yang boleh diberikan dalam bentuk wang.

¹² <http://cyberita.asia1.com.sg/singapura/muis-agih-3j-dari-hasil-hartanah-wakaf-tahun-ini>

¹³ www.muis.sg

Ia kemudian akan dilaburkan dalam hartanah atau pelaburan yang berlandaskan syarak. Hasilnya kemudian disalurkan bagi membantu membiayai pendidikan Islam termasuk madrasah-madrasah setempat.¹⁴

Wakaf Oleh Sektor Korporat Di Indonesia; Pengalaman Dhompot Dhuafa' Republika

Dompot Dhuafa Republika (DD) telah dirasmikan pada tanggal 2 Julai 1993 dan menjadi sebuah institusi sosial yang berteraskan Akta Notaris No 41 tanggal 14 September 1994 oleh Haji Abu Jusuf, SH, Notaris Jakarta.¹⁵

Berdasarkan laporan tahunan DD 2010, anggaran pendapatan yang berjaya dikumpulkan daripada dana Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZISWAF) daripada 18 buah wilayah seluruh Indonesia berjumlah Rp. 105 Milion¹⁶. Namun begitu pendapatan yang sebesar ini belum mampu untuk membasmi dan memerangi gejala kemiskinan bagi sejumlah kira-kira 17.7 juta orang di Indonesia pada tahun 2010.¹⁷

Sungguhpun begitu kewujudan institusi non goverment seperti DD sedikit sebanyak mampu menyalurkan kebajikan yang terhasil daripada agihan wakaf untuk manfaat majoriti penduduk Islam di Indonesia, terutama dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan kesihatan secara percuma.

Penubuhan SMART Ekselensia Indonesia (SMART) sebagai contohnya merupakan sebuah sekolah pintar khusus untuk anak-anak miskin dari seluruh Indonesia. Ia telah dibuka secara rasmi pada 29 Julai 2004 di atas tanah wakaf yang berkeluasan 20.446 m² dan terletak di Jalan Parung KM 42, Bogor, Jawa Barat.

¹⁴ <http://cyberita.asia1.com.sg/syiar/wakaf-ilmu-langkah-lestarikan-amalan-berwakaf>

¹⁵ <http://www.dompetdhuafa.org>

¹⁶ Parni Hadi, Koalisi Besar Atasi Kemiskinan dalam Laporan Tahunan Dhompot Dhuafa' 2010, hlm. 10

¹⁷ <http://www.pikiran-rakyat.com/node/171290>

Bagi memilih pelajar yang benar-benar layak memasuki sekolah ini suatu tapisan yang ketat dilakukan oleh pihak SMART dengan kerjasama petugas DD di seluruh Indonesia kepada pelajar dan keluarga yang terlibat. Ini bagi mengelak hak asnaf zakat daripada kalangan fakir dan miskin terabai dan tidak terbela.

Antara syarat umum yang ditetapkan kepada kalangan keluarga mustahik yakni pemilik hak daripada agihan ZISWAF untuk layak ke SMART ialah;

- i. Jumlah penghasilan keluarga adalah lebih kecil daripada $\frac{1}{3}$ dikalikan jumlah anggota keluarga dikalikan upah minimum regional ($n < \frac{1}{3} \times \text{jumlah anggota keluarga} \times \text{UMR}^{18}$)
- ii. Tidak memiliki sokongan material daripada kerabat yang bersifat rutin
- iii. Hanya memiliki dua daripada barangan yang berikut; Televisyen, radio, telefon tangan, VCD/DVD Player, tanah (ladang/sawah) dan motorsikal.
- iv. Latar belakang pendidikan dalam keluarga rendah

Oleh kerana terdapat jutaan kanak-kanak yang kurang berkemampuan dan tidak mendapat pendidikan asas yakni Sekolah Dasar (SD) di Indonesia pihak DD dan SMART telah melakukan beberapa kaedah screening kepada pelajar yang memohon. Antaranya pelajar yang layak perlu memiliki sekurang-kurangnya 7.0 nilai rapor minimum dan tiada nilai \leq di 6.0. Selain itu pelajar juga dipilih berdasarkan saringan kesihatan dan psikologi. Lawatan ke rumah calon pelajar juga dilakukan bagi mengenal pasti tahap kesanggupan keluarga dan kelayakan mereka¹⁹.

¹⁸ Upah minimum regional berbeza daripada satu daerah dengan daerah yang lain. Sebagai contohnya UMR di Daerah Sukabumi Jawa Barat ditetapkan pada kadar Rp 885,000 setahun. Sumber http://www.hrcentro.com/umr/jawa_barat/kabupaten_sukabumi/non_sektor/2012.

¹⁹ Profil SMART Ekselensia Indonesia, hlm. 1

Pelajar-pelajar yang berjaya kemudiannya akan dibiayai sepenuhnya berdasarkan wang zakat yang dianggarkan berjumlah kira Rp 2.5 juta setahun termasuk tambang pulang ke kampung halaman masing-masing sekali setahun.²⁰

Pihak DD juga menyalurkan manfaat wakaf dengan menubuhkan klinik kesihatan percuma yang dikenali sebagai Layanan Kesihatan Cuma-Cuma (LKC).

Yang mana kesemua kos rawatan kesihatan yang diberikan diperoleh daripada dana ZISWAF yang berjaya dikumpulkan oleh DD. Justeru itu pesakit yang ingin mendapatkan rawatan akan ditapis terlebih dahulu seterusnya diberikan kad pengenalan mustahik yang membolehkan mereka menerima rawatan pada bila-bila masa.

Antara kemudahan yang disediakan oleh pihak LKC ialah rawatan perbidanan, klinik kanak-kanak, juga rawatan penyakit kronik seperti penyakit jantung dan tibi oleh pengamal perubatan yang berpengalaman secara sukarela²¹. Sejak ditubuhkan LKC telah memberi perkhidmatan kesihatan kepada tidak kurang dari 10,000 ketua keluarga yang memperoleh layanan kesihatan tak kalah baiknya dengan hospital kerajaan.²²

Pada awal tahun 2010 DD telah melakar sejarah dan berkembang setapak ke hadapan dengan pembinaan sebuah hospital khusus untuk golongan mustahik di atas tanah wakaf yang berkeluasan 36.000m² di Daerah Bogor, Jawa Barat. Hospital ini yang dikenali sebagai Rumah Sehat Dhompét Dhuafa menelan belanja pembinaan sebanyak Rp. 20 Milion hasil dana ZISWAF yang diusahakan oleh pihak DD²³.

²⁰ Hasil perbincangan bersama Pengurusan SMART di Bogor Indonesia pada 6 Jun 2012

²¹ Laporan Tahunan Dhompét Dhuafa' 2010, hlm. 44.

²² <http://www.dompétdhuafa.org/produk/wakaf/>

²³ Ismail A. Said, Artikel bertajuk "Mencapai Kelas Dunia Buah Istiqamah Dalam Kualitas Karya", dalam Laporan Tahunan Dhompét Dhuafa' 2010, hlm. 23.

Pada tahun 2010 DD berjaya memperoleh hasil kutipan zakat sebanyak Rp 60.648.701.796,00, manakala sebanyak Rp 10.385.291.317,00 dan Rp 45.654.727.727,00 masing-masing diperoleh daripada sumber infaq fi sabilillah dan wakaf.²⁴ Sungguhpun begitu bukan mudah untuk mengatasi bebanan kemiskinan di Indonesia, apatah lagi dengan jumlah penduduknya yang miskin dianggarkan lebih daripada 10 kali ganda penduduk Singapura²⁵.

Sungguhpun begitu usaha kerdil yang berjaya dilakukan oleh DD sebagai sebuah institusi bukan kerajaan di Indonesia merupakan usaha murni ke arah mengembangkan potensi harta wakaf sehingga manfaatnya berjaya diraih oleh seramai mungkin komuniti Muslim Indonesia.

Kini setelah hampir 19 tahun menyumbang bakti meneruskan legasi kerja-kerja kebajikan DD telah berjaya membantu pemerintah Indonesia untuk mengurangkan kadar kemiskinan berteraskan mekanisme zakat dan wakaf Islam yang bersifat komprehensif.

Amalan ini juga selari dengan sejarah pewakafan Islam terawal yang menjurus kepada aspek pendidikan, kemudahan kesihatan, pembinaan rumah ibadat dan keperluan infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan dan lain-lain. Malah dikatakan Zubaidah iaitu isteri kepada Khalifah Harun al-Rasyid telah mewakafkan kesemua kekayaannya untuk membina jalan raya dari Kota Baghdad ke Makkah al-Mukarramah untuk kemudahan jemaah haji.²⁶

Akhirnya aset wakaf haruslah berputar, berfungsi produktif, hingga menghasilkan surplus yang terus dapat dialirkan tanpa mengurangi modalnya. Ataupun ketika barang modal itu habis terpakai, dapat diperbaharui kembali daripada hasil surplus tersebut.

²⁴ Laporan Tahunan Dhompot Dhuafa' 2010, hlm. 95.

²⁵ Parni Hadi, Artikel bertajuk "Koalisi Besar Atasi Kemiskinan" dalam Laporan Tahunan Dhompot Dhuafa' 2010, hlm. 13

²⁶ AbulHasan M. Sadeq, Waqf Perpertual Charity and Poverty alleviation, International Journal of Social Economics

Ibarat sang angsa yang bertelur emas, yang mana kesemua telur emasnya boleh dimanfaatkan tanpa menyebelih induknya.²⁷

Wakaf Oleh Sektor Korporat di Malaysia; Pengalaman Kumpulan Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp)

Sebagai sebuah syarikat swasta Johor Corporation Berhad melalui anak syarikatnya Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) telah memainkan peranan secara langsung dalam menyumbang kepada aktiviti pewakafan harta di Negeri Johor dan Malaysia secara amnya dalam pelbagai lapangan. Ia dilakukan dengan pengenalan Konsep Waqaf Korporat pada 3 Ogos 2006.

Melalui amalan wakaf saham ini JCorp telah mewakafkan saham bernilai RM200 juta (atas Nilai Aset Bersih) dalam tiga syarikat JCorp tersenarai di Bursa Malaysia iaitu; RM142 juta dalam Kulim (Malaysia) Berhad (syarikat yang juga memiliki Sindora Berhad dan rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut di seluruh negara), RM45 juta dalam KPJ Healthcare Berhad dan RM13 juta dalam Johor Land Berhad²⁸.

Sehingga tahun 2009 jumlah saham yang telah diwakafkan meningkat kepada RM250 juta (atas Nilai Aset Bersih) berikutan pewakafan 3 buah lagi anak syarikat JCorp yang tidak tersiar harga di Bursa Malaysia iaitu Tiram Travel Sdn. Bhd. (RM0.26 juta), Capaian Aspirasi Sdn. Bhd. (RM0.01 juta) dan TPM Management Sdn. Bhd (RM50.00 juta)²⁹.

Implikasi yang positif daripada pengenalan Konsep Waqaf Korporat ini telah berjaya dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia secara umumnya. Ini dapat dilihat antaranya menerusi penyediaan kemudahan rawatan kesihatan oleh pakar-pakar perubatan bertauliah dengan kos serendah RM 5.

²⁷ <http://www.dompetdhuafa.org/produk/wakaf/>

²⁸ Rujuk buku Laporan Tahunan WANCorp 2009, hlm. 3

²⁹ *Ibid.* hlm. 24

Penubuhan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) pada 1 November 2008 di Plaza Kota Raya Johor Bahru oleh WANCorp telah berjaya mengaplikasikan konsep wakaf tradisional kepada sesuatu yang bersifat kontemporari sehingga merentasi latar belakang kaum dan kepercayaan agama.

KWAN yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan biasa turut menawarkan perkhidmatan rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang di 4 buah cawangannya iaitu di Pasir Gudang, Batu Pahat, Senawang dan di Kuching Sarawak. Sehingga kini terdapat kira-kira 16 buah rangkaian KWAN di seluruh negara dan telah memberi rawatan kesihatan kepada lebih 765,000 orang pesakit sejak ditubuhkan³⁰. Daripada jumlah itu sejumlah 50,883 rawatan telah diberikan kepada pesakit non-Muslim.³¹

Lebih membanggakan apabila WANCorp berjaya menubuhkan sebuah hospital wakaf yang dikenali sebagai Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) di Pasir Gudang dan dirasmikan oleh DYMM Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar pada tahun 2006. Bangunan hospital yang bernilai RM1.6 juta yang terletak di atas tanah wakaf berkeluasan 14.88 ekar³² itu juga turut menyediakan kemudahan rawatan kecemasan 24 jam sehari serta kemudahan rawatan lain mengikut jadual harian yang ditetapkan. Kadar caj yang dikenakan juga adalah murah iaitu RM60.00 sahaja. Manakala bagi pesakit yang kurang berkemampuan dan berpendapatan kurang daripada RM1500.00 caj yang dikenakan hanyalah RM10.00 sahaja.³³

³⁰ Buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2011, hlm. 11

³¹ Buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2011, hlm. 25

³² Rujuk Buku Laporan Tahunan Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad, 2006, hlm. 28.

³³ Rujuk Buku Laporan Tahunan Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad, 2009, hlm. 12.

Menariknya lagi sebahagian besar KWAN dibina berhampiran dengan masjid sebagai usaha untuk memperluaskan peranan masjid sebagai pusat sehenti *multi purpose* setempat.

Ia sekali gus menyumbang kepada peningkatan imej wakaf Islam yang unik dan untuk jangka masa panjang berupaya dimanfaatkan oleh lebih ramai golongan memerlukan.³⁴ Bagi merencanakan lagi pembinaan KWAN yang baharu pihak WANCorp turut menggunakan manfaat agihan fi sabilillah untuk tujuan tersebut.³⁵

Di sudut pandang yang lain WANCorp turut menyediakan modal kewangan kepada peniaga yang menghadapi masalah berdasarkan konsep Waqaf Dana Niaga (WDN). Ia dimulakan pada 5 Mei 2007, dengan dana terkumpul daripada wakaf tunai individu sebanyak RM14,000 dan ditambah daripada peruntukan kebajikan am sebanyak RM200,000.³⁶ Sehingga kini WDN telah berjaya dimanfaatkan oleh seramai 336 orang peserta dengan jumlah bantuan yang diberikan berjumlah RM313,850.

Melalui kaedah ini peniaga akan diberi modal pinjaman perniagaan sebanyak RM3000 dan dikehendaki membayar semula pinjaman tersebut dalam tempoh 2 tahun berdasarkan prinsip *qardulhasan* yakni pinjaman tanpa riba'.³⁷ Berikut disenaraikan taburan bisnes yang diusahakan oleh peserta WDN.



Sumber: Laporan Tahunan WANCorp 2011

³⁴ Buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2010, hlm. 19

³⁵ Buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2011, hlm. 25

³⁶ Buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2010, hlm. 24

³⁷ Rujuk buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2011, hlm. 31

Bagi menghulurkan bantuan kecemasan ketika berlaku musibah dan malapetaka pihak WANCorp juga memperuntukan sebahagian benefisiari saham yang diwakafkan dengan penubuhan Briged Waqaf An-Nur secara rasmi pada 9 Ogos 2009.³⁸

Briged Waqaf ini dibahagikan kepada 5 kompeni berasaskan latar belakang bisnes yang dijalankan oleh anak syarikat JCorp iaitu; Syarikat Kulim Malaysia Berhad dikenali sebagai Kompeni Umar al-Khattab bertanggungjawab membekal khidmat logistik dan prasarana, KPJ Healthcare Bhd dikenali sebagai Kompeni Salahudin Al-Ayubi menyediakan khidmat perubatan dan pertolongan cemas, KFC Holdings Bhd sebagai Kompeni Tariq bin Ziyad penyedia makanan dan penghantaran, Johor Land Bhd dikenali sebagai Kompeni Ali bin Abi Talib terlibat sebagai pencari, penyelamat dan sukarelawan dan yang terakhir Sindora Bhd & JCorp Interpreneur (M) dikenali sebagai Kompeni Khalid al-Walid memberikan khidmta pembersihan dan pemuliharaan.³⁹

Pada tahun 2011, sejumlah RM200,000 manfaat wakaf saham telah diperuntukan untuk membantu mangsa banjir dan golongan memerlukan di Negeri Johor. Yang mana secara keseluruhan sejumlah RM0.4 juta manfaat fisabilillah telah diagihkan untuk keperluan Briged Waqaf dan pengurusan bencana.⁴⁰ Bridged Waqaf juga terlibat dalam misi kemanusiaan membantu mangsa gempa bumi di Padang Indonesia pada 12-19 Oktober 2009.⁴¹ Sesungguhnya Konsep Waqaf Korporat yang pertama seumpamanya di dunia ini baik untuk dicontohi dengan pewakafan GLC dan badan-badan korporat swasta milik umat Islam lainnya.⁴²

³⁸ Rujuk buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2009, hlm. 36

³⁹ Rujuk buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2010, hlm. 24

⁴⁰ Rujuk buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2009, hlm. 32

⁴¹ Ibid. hlm. 36

⁴² Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim "Waqaf Korporat Untuk Jihad Bisnes" dalam buku Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2009, hlm. 4

Kesimpulan

Institusi wakaf sepatutnya berperanan dalam mengangkat syiar, martabat dan keagungan Islam. Ia bukan sahaja daripada aspek kerohanian dan ketuhanan tetapi juga aspek lain seperti ekonomi, politik, geopolitik, kemasyarakatan, pendidikan dan sosial. Institusi ini wajib diuruskan secara profesional, terbaik dan kontemporari sehingga dapat menyerlahkan kegemilangan Islam.⁴³

Sehingga kini, nampaknya kecenderungan masyarakat masih lagi kepada mewakafkan harta tak alih sebagai subjek pewakafan mereka. Oleh itu MAIN perlu mengambil inisiatif memperkenalkan kategori wakaf baharu yang bersifat kontemporari. Sebaran melalui media massa sama ada media cetak mahupun elektronik agar komuniti Islam sedar akan kepentingan wakaf kepada ummah dan tidak hanya terhad kepada wakaf tanah dan bangunan sahaja. Antara yang dicadangkan ialah siaran iklan berkaitan wakaf di televisyen dan iklan di akhbar perdana bagi menarik perhatian masyarakat untuk berwakaf⁴⁴.

Selain daripada itu peranan sektor bukan kerajaan yang bertindak sebagai *mutawalli* atau pengurus harta wakaf dilihat lebih efisien berbanding *mutawalli* sendirian. Dalam konteks ini kepakaran secara berkelompok dalam pelbagai bidang di bawah sebuah bumbung dapat menjana potensi wakaf dengan lebih efektif. Hartanah wakaf yang diurus oleh syarikat juga akan mendapat manfaat yang lebih besar daripada gerak kerja berkumpulan dan pengurusan profesional termasuklah pengurusan rekod dan data wakaf yang lebih teratur⁴⁵.

⁴³ Mohamad Salleh Abdullah, Malaysia Perlu Transformasi Pengurusan Wakaf, Artikel dalam Rencana Utusan Malaysia bertarikh 25 Disember 2011.

⁴⁴ Siti Mashitoh Mahamood (2001), Bagaimana membuat Wakaf, Kuala Lumpur, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 74.

⁴⁵ Dr Muhammad Yusuf Saleem, Towards Institutional Mutawallis for Management of Waqf Properties, Departments of Economics, UIAM.

Pengalaman Warees sebagai pengurus hartanah wakaf di Singapura yang mengaplikasikan mekanisme sukuk, musyarakah dan ijarah sebagai asas untuk mengembangkan potensi aset wakaf adalah model terbaik yang boleh untuk diteladani. Begitu pula benefisiari wakaf yang diperluaskan kegunaannya untuk komuniti Islam yang lebih ramai dengan menawarkan pendidikan dan perkhidmatan percuma kepada golongan miskin di Indonesia diharap dapat terus berkembang dari semasa ke semasa.

Dalam masa yang sama peranan yang berjaya dimainkan oleh WANCorp sebagai sebuah syarikat korporat Muslim di Malaysia merupakan contoh amalan *Corporat Sosial Responsibility* (CSR) Islam yang murni. Di mana kegiatan perniagaan yang bersifat meraih keuntungan tidak menafikan usaha untuk berbuat kebajikan kepada komuniti setempat.

Akhirnya Penulis mendapati jika ketiga-tiga kaedah ini diaplikasikan dalam sebuah institusi ia mampu menjadi sebuah model pengembangan benefisiari wakaf yang komprehensif, berdaya maju dan terkedepan. Apatah lagi dalam situasi hari di mana seluruh dunia mencari-cari kaedah untuk menangani gejala kemiskinan yang merunsingkan semua dan dalam masa yang sama bergerak seiring dengan aspirasi negara untuk menyediakan kemudahan awam yang secukupnya untuk kepentingan dan kemajuan bersama.

Senarai Rujukan

- AbulHasan M. Sadeq, (2002) "Waqf, perpetual charity and poverty alleviation", *International Journal of Social Economics*, Vol. 29 Iss: 1/2, pp.135 – 151.
- Ali Amin Isfandiar, "*Tinjauan Fiqh Muamalat dan Hukum Nasional Tentang Wakaf di Indonesia*", dalam *La_Riba Jurnal Ekonomi Islam*, Vol.ii, No 1, Juli 2008.
- Asmak Ab Rahman, "*Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia*", dalam *Jurnal Syariah*, Jil.17 Bil.1 (2009) hlm 113-152.
- Budi Budiman, "*The Potential of ZIZ Fund as an instrument in islamic economy: its theory and management implimentation*", dalam *IQTISAd Journal of Islamic Economics*, Vol. 4, No.2, Rajab 1424H/Sept 2003 hlm. 119-143.

Dhompert Dhuafa Company Profile

Hari Candra dan Asmak Ab Rahman, *“Waqf Investment: A Case Study of Dhompét Dhuafa Republika Indonesia”*.

Jose (Josie) M. Fernandez (2009), *“From Charity to Social Investments and Social Justice: A Study of Philanthropic Institutions in Indoensia”* dalam Asian Transformations in Action. “

Laporan Tahunan Dhompét Dhuafa 2010

Laporan Tahunan Kumpulan Waqaf An-Nur 2006

Laporan Tahunan Kumpulan Waqaf An-Nur 2007

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2008

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2009

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2010

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad 2011

Mohd Afendi Mat Rani, Wakaf Zuriat: Isu Dan Penyelesaian, kertas kerja yang dibentangkan dalam Program Jawhar Intellectual Discourse JID, Bil.4/2011, Anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji di Putra Jaya pada 22hb Disember 2011.

Mohd Saharudin bin Shakrani et.al., dalam kertas kerja bertajuk *“Tinjauan Isu-Isu Yang Mambataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Di Malaysia”*.

Prof. Dr Hjh. Mustafa Mohd Hanefah et.al., dalam kertas kerja bertajuk *“Financing the Development of Waqf Property: The Experience of Malaysia and Singapore”*.

Profile SMART Ekselensia Indonesia

Rabitah Haru et.al., dalam kertas kerja bertajuk *“Preliminary Findings on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries”*.

Shabana Hasan *“Role of Waqf in Enhancing Muslim Small and Medium Enterprises (SEMs) in Singapore”* kertas kerja dibentangkan 8th International Conference on Islamic Economics and Finance.

Shamsiah Bte Abdul Karim, *“Contemporary Shari’a Compliance Structuring for The Development and Management of Waqf Assets in Singapore”* dalam Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies, hlm. 143-164.

Shamsiah Bte Abdul Karim, dalam kertas kerja bertajuk *“Contemporary Waqf Administration an Development in Singapore: Challenges and Prospects”*

Zuraidah Mohamad Isa et. al., dalam kertas kerja bertajuk *“A Comparative Study of Waqf Management in Malaysia”*